



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Ministry of Education

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Laman Web : www.moe.gov.my

Rujukan Kami: KPM.600-12/1/4 JLD ~~8385~~

Tarikh : **07** September 2026

Pengurus Hal Ehwal Korporat

The One Academy

Block B4, Leisure Commerce Square No. 9, Jln PJS 8/9

46150 Selangor

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID BAGI
MALAYSIA TOP 10 OUTSTANDING YOUNG ARTISTS AWARDS ANJURAN THE
ONE ACADEMY TAHUN 2026**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) mengucapkan tahniah atas usaha pihak **The One Academy** kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Malaysia Top 10 Outstanding Young Artists Awards** yang telah dilaksanakan pada **13 Jun hingga 27 Julai 2026**.

3. BSCK telah menerima serta meneliti laporan pelibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Penglibatan 2 Peringkat Kebangsaan** bagi semua murid yang menyertai program serta **Pencapaian Peringkat Kebangsaan** kepada murid yang memperoleh tempat dalam program berkenaan.

...2/-

4. Markah pengiktirafan ini hendaklah diambil kira dalam pemarkahan kokurikulum di bawah Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan tersebut, pihak sekolah hendaklah merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di Lampiran A. Pihak penganjur perlu mengemukakan salinan surat pengiktirafan program beserta senarai murid terlibat kepada jabatan pendidikan negeri (JPN) dan sekolah yang berkaitan.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada **Encik Wan Mohd Mahfodz bin Wan Hasan** melalui talian **03-88721603** atau e-mel **mahfodz.hasan@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan

- s.k.: 1. Semua Pengarah Bahagian
Sektor Operasi Sekolah
2. Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

LAMPIRAN A

**PENGIKTIRAFAN PENGLIBATAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID
DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN
KOKURIKULUM (PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

JENIS PENGLIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PENGLIBATAN I	i. Program pertandingan/kejohanan/perkhemahan/kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan. ii. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung.
PENGLIBATAN II	i. Program pertandingan/ kejohanan/perkhemahan/kursus/ karnival secara bersemuka atau dalam talian dan tiada pemeringkatan. ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan. iii. Peserta lawatan luar negara
PENGLIBATAN III	i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program/ aktiviti yang tiada interaksi peserta secara langsung. ii. Pelibatan murid sebagai penyokong atau penonton

SKOR PENGLIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Penglibatan I	Penglibatan II	Penglibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
TAHAP PENCAPAIAN	PERINGKAT	Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4